

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

YKT 303/NKM 024 -Teknologi Komunikasi

Masa: 3 jam

Jawab **TIGA** (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan.

1. Berikan takrifan kepada empat (4) konsep berikut dengan disertakan contoh:
 - (a) Teknologi Komunikasi
 - (b) Satelit Penyiaran Langsung (Direct Broadcasting Satellite (DBS))
 - (c) Pendekatan Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratifications Approach)
 - (d) Teori Jurang Informasi

(40 markah)

2. Kemajuan teknologi terutamanya di bidang komputer telah mewujudkan satu budaya "hackers" yang boleh mendatangkan beberapa masalah sosial. Bincangkan.

(30 markah)

3. Bincangkan pendapat yang mengatakan bahawa satu cara Negara-Negara Dunia Ketiga (ND3) membangun ialah dengan meniru model pemodenan Barat dan memindahkan teknologi komunikasi Barat ke Negara-Negara Dunia Ketiga dengan bantuan perbadanan antarabangsa.

(30 markah)

4. Perkembangan teknologi maklumat boleh membawa kepada berlakunya perubahan struktur kelas dalam masyarakat yang dapat memberikan kehidupan yang lebih senang dan selesa. Nilaikan pendapat ini secara kritis.

(30 markah)

...2/-

5. Perkembangan pesat teknologi komunikasi telah membawa orang ramai dan negara bersatu, mengecilkan dunia dan menukarkannya menjadikan sebuah "perkampungan sejagat" (Global Village). (Gurevitch, 1991:178).

Sejauh manakah kenyataan ini benar dengan memberikan contoh-contoh yang bernas.

(30 markah)

6. Lebuhraya maklumat atau lebih dikenali sebagai Internet mempunyai sejarah yang secara relatifnya muda berbanding dengan teknologi informasi-komunikasi yang lain. Bincangkan perdebatan mengenai implikasi-implikasi teknologi ini ke atas sesebuah negara dan kaitkan teknologi ini dengan potensi pendemokrasian masyarakat.

(30 markah)

-oooOooo-